

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Kes kesihatan akibat suhu panas dijangka meningkat

Keadaan masih terkawal, fasiliti serta hospital dalam keadaan bersiap siaga

Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Bilangan kes kesihatan akibat cuaca panas melampau di negara ini dijangka bertambah susulan peningkatan suhu berterusan sehingga Ogos ini. Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Suani berkata, setakat semalam sebanyak 14 kes direkodkan berlaku di seluruh negara.

Katanya, keadaan dilihat masih terkawal namun fasiliti serta hospital di bawah kementerianannya bersiap siaga menerima sebarang kes.

"Setakat semalam enam kes dicatatkan di Kelantan, lima di Sarawak dan tiga di Sabah dengan paling ramai membabitkan golongan dewasa iaitu tujuh kes.

"Enam kes membabitkan kejang haba dan masing-masing empat berkaitan strok haba serta kelesuan haba di mana semua mangsa sudah pulih kecuali satu kes di Kelantan yang meninggal dunia membabitkan kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Elektrokardiogram Pertengahan anjuran Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) dan Hospital Universiti Sains Malaysia USM di Hotel Perdana di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin.



Lukanisman (tengah) melakukan gimik perasmian Persidangan Elektrokardiogram Pertengahan anjuran Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) dan Hospital Universiti Sains Malaysia di Kota Bharu, semalam.

(Foto BERNAMA)

Lukanisman berkata pihaknya sudah mengenal pasti lokasi mungkin mempunyai suhu yang agak tinggi di seluruh negara dan akan bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) supaya persiapan dapat dibuat dari segi fasiliti di hospital.

Kadar suhu tinggi

Katanya, Semenanjung mempunyai banyak kawasan yang mengalami kadar suhu tinggi terutama di bandar besar yang mempunyai kepadatan kenderaan dan keadaan yang sama juga berlaku di Sarawak.

"Ini adalah satu daripada faktor yang menyumbang kepada peningkatan kadar haba dan kita akan cuba untuk kemas kini data serta masukkan maklumat berkaitan ke laman rasmi KKM (Kementerian Kesihatan) terutama melalui penggunaan media so-

sial," katanya.

Mengulas lanjut, Lukanisman berkata, pihaknya juga sentiasa bekerjasama dengan beberapa pihak berkaitan terutama Kementerian Pendidikan dalam usaha memastikan pelajar mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Katanya, ibu bapa juga tidak perlu terlalu bimbang namun dalam masa yang sama langkah berjaga-jaga harus dititikberatkan terutama pengambilan air dan memastikan anak yang bersukan tidak melakukan riadah secara berlebihan.

"Saya nasihatkan orang ramai agar sentiasa merujuk infografik yang dikeluarkan KKM berkenaan strok haba dan pastikan berada dalam bangunan, tempat redup dan mementingkan pengambilan air," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata dalam tempoh 20 tahun sehingga

2020, beban penyakit jantung merekodkan peningkatan dari 11.6 peratus kepada 17.0 peratus.

Katanya, penyakit jantung kekal sebagai penyebab utama kematian di mana 18,515 kematian atau 17 peratus daripada jumlah kematian yang disahkan secara perubatan berpunca daripada penyakit itu.

"Berdasarkan laporan *The Direct Healthcare Cost of Non-Communicable Diseases in Malaysia* yang dikeluarkan baru-baru ini, dianggarkan sebanyak RM3.93 bilion daripada jumlah keseluruhan kesihatan pada 2017 diperuntukkan bagi perbelanjaan merawat pesakit jantung.

"Lebih membimbangkan, beban kos ini dijangka terus meningkat sekiranya tindakan sewajarnya tidak diambil untuk mengawal dan mencegah penyakit itu," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA

Risiko jika cuaca panas berterusan **Kes strok haba dijangka meningkat**

Oleh ROSLIZA MOHAMED

KOTA BHARU – Jumlah kes strok haba di negara ini dijangka meningkat sekiranya kemarau dan cuaca panas melampau berterusan sejak bulan lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Suani berkata, sehingga semalam, sebanyak 14 kes melibatkan strok haba dilaporkan iaitu enam di Kelantan, Sarawak (5 kes) dan Sabah (3 kes).

Jelasnya, daripada jumlah itu, tujuh individu dewasa dikesan diserang strok haba, tiga kanak-kanak, masing-masing dua warga emas dan remaja.

"Kementerian Kesihatan (KKM) menjangkakan jumlah

kes strok haba akan meningkat sekiranya cuaca panas berterusan dalam tempoh yang panjang.

"Daripada 14 kes yang dilaporkan, ia melibatkan beberapa kategori direkodkan iaitu empat kes strok haba.

"Empat kes lagi, kes ada simptom kelesuan haba dan enam kes kejang haba," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Perasmian Intermediate Electrocardiogram Conference 2023 di sini semalam.

Mengulas lanjut, Lukanisman memberitahu, dalam tempoh itu, satu kes kematian akibat strok haba dilaporkan melibatkan kanak-kanak berusia 11 tahun di Kelantan baru-baru ini.

Katanya, semua kes berkenaan dirujuk di hospital dan semuanya pulih malah keadaan kes melibatkan strok haba ketika ini dilaporkan masih terkawal.

"Memandangkan cuaca panas sehingga Ogos ini, orang ramai yang dikesan mengalami simptom strok haba disarakan untuk mendapatkan rawatan segera di hospital berdekatan.

"KKM juga telah mengenal pasti lokasi-lokasi yang mungkin mempunyai suhu yang tinggi. Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) supaya memberi maklumat yang cepat dan tindakan dapat dibuat menerusi fasiliti di seluruh negara," katanya.



ORANG ramai tidak melepaskan peluang untuk bermandi-manda bagi menyejukkan badan ekoran cuaca panas pada cuti hujung minggu di Taman Rekreasi Suria KLCC, Kuala Lumpur semalam. – FARIZ RUSADJO

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 29
RUANGAN : NASIONAL

KKM rekod 14 kes strok haba setakat ini, hanya libat satu kes kematian

KEMENTERIAN Kesihatan (KKM) merekodkan sebanyak 14 kes strok haba akibat cuaca panas setakat Jumaat.

Timbalan Menteri Kesihatan Lukanisman Awang Suani berkata, pihaknya menjangkakan kes strok haba terus meningkat akibat cuaca panas yang berlaku hingga Ogos ini.

"Sehingga Jumaat, 14 kes dilaporkan namun masih terkawal dan mampu ditampung di fasiliti kesihatan seluruh negara.

"Terdapat enam kes dilaporkan di Kelantan, Sarawak (5) dan Sabah (3) sehingga semalam dengan paling ramai membabit-

kan golongan dewasa iaitu tujuh kes," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan 4th Intermediate Electrocardiogram Conference 2023 anjuran Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, di sini pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Lukanisman berkata, daripada jumlah kes itu, 13 mangsa sudah pulih kecuali satu kes kematian di Kelantan membabitkan kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun.

Menurutnya di peringkat

KKM, kepimpinan tertinggi telah melakukan usaha dan mendengar taklimat daripada kementerian berkaitan serta bersiap siaga bagi menghadapi strok haba yang berpanjangan.

"KKM akan bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) untuk menguar-uarkan maklumat dalam televisyen atau media sosial.

"Wakil rakyat diminta meng-



LUKANISMAN

ambil peranan supaya menyebar luas tentang senario cuaca panas di negara ini.

"Ketika ini situasi terkawal, fasiliti KKM dan hospital bersedia menerima semua kes seperti strok haba serta kekejangan haba," katanya.

Sementara itu, Lukanisman berkata, KKM turut mengenal pasti lokasi yang mengalami suhu tinggi menerusi kerjasama dengan Jabatan

Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) untuk tindakan segera termasuk menyediakan fasiliti-fasiliti kesihatan.

"Ibu bapa diminta tidak terlalu bimbang untuk hantar anak ke sekolah, sebaliknya mengambil langkah berjaga-jaga terutama pengambilan air secukupnya selain tidak melakukan riadah sukan berlebihan.

"Pesawah, peladang dan pekebun juga perlu berhati-hati pada musim panas, perlu berehat dan minum air secukupnya bagi mengelak sebarang insiden," katanya. - *Bernama*

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS / NATION

14 CASES RECORDED

SPIKE IN HEAT-RELATED CASES EXPECTED

However, situation under control, says deputy health minister

SITI ROHANA IDRIS
KOTA BARU
news@nst.com.my

THE Health Ministry expects heat-related cases to increase due to the hot spell.

Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni yesterday said to date, 14 cases related to the hot weather had been recorded.

However, he said the situation was under control, and that the facilities and hospitals under the ministry were prepared to handle such cases.

"Six cases have been reported in Kelantan, five in Sarawak and three in Sabah. Most of them in-

involved adults.

"There were six cases of heat cramps and four cases each of heat stroke and heat exhaustion. All the victims have recovered, except for the one death in Kelantan involving an 11-year-old child."

Lukanisman said the ministry was also working with the Education Ministry to ensure that pupils and students adhere to the set standard operating procedures.

He said while parents should not be overly concerned about the situation, they should still be aware of their children's wellbeing, such as by ensuring that they are well hydrated and not taking part in excessive outdoor activities.

"People should refer to the infographics issued by the Health Ministry regarding heat stroke, and to ensure that they stay in-

doors as much as possible. Staying hydrated is crucial."

He said the ministry had identified several locations which would experience high temperatures.

The ministry, he added, would work closely with the Malaysian Meteorological Department to ensure that adequate preparations were done in terms of hospital facilities.

He said Peninsular Malaysia had many areas which were experiencing high temperatures, especially high-density cities.

The same, he added, also applied to Sarawak.

"This is one of the factors which is contributing to the rising temperatures. We will update the data and related information on the ministry's website, as well as social media channels."



Lukanisman Awang Sauni

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

MOH records 14 cases of heatstroke as of Friday

KOTA BARU: The Health Ministry (MOH) has recorded a total of 14 cases of heatstroke as of Friday amid the current hot spell.

Deputy Health Minister Lukanisman Awang Suani said the ministry expects the number of heatstroke victims to increase in this hot weather until August.

"Until Friday, there have been 14 cases, but the situation is still under control and can be accommodated in health facilities.

"There were six cases reported in Kelantan, Sarawak (five), and Sabah (three) until yesterday (Friday)."

He said this after officiating the 4th Intermediate Electrocardiogram Conference 2023, organised by Raja Perempuan Zainab II Hospital (HRPZ II) and Universiti Sains Malaysia Hospital (HUSM) in Kubang Kerian yesterday.

Lukanisman said of this number of cases, 13 victims have recovered.

One victim, an 11-year-old boy, died in Kelantan.

He said at the ministry level, the top leadership has listened to briefings from relevant ministries, and is prepared to face the prolonged hot weather and heatstroke (cases).

"MOH will cooperate with the Communications and Digital



In the shade:
Farah Ahmad, 33, using an umbrella to shield herself from the sun as she visits Pantai Batu Hitam in Kuantan.
— Bernama

Ministry to disseminate information via television and social media, and people's representatives have been asked to play a role in spreading the word about the hot weather.

"Currently, the situation is under control, and ministry facili-

ties and hospitals are prepared to receive heatstroke victims and heat cramp-victims," he said.

Meanwhile, Lukanisman said the ministry, with the cooperation of the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia), has also identified high temperature

areas for quick action.

"Parents are advised not to be anxious about sending their children to school, but they need to ensure they carry enough drinking water and to ensure they don't indulge in excessive sports." — Bernama